

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEEMPAT
BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini usaha pihak Kementerian dalam memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan menggantikannya dengan satu akta yang lebih baik dan komprehensif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) [AUKU] telah diwartakan pada 30 April 1971 dan merupakan akta induk bagi maksud menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia. Selain daripada perkara berkaitan pelajar, kandungan utama AUKU turut merangkumi hal berkaitan staf universiti dan tadbir urus universiti seperti punca kuasa penubuhan, kuasa universiti dan perlembagaan universiti.

Sejak diwartakan pada tahun 1971, AUKU telah pun dipinda sebanyak tujuh (7) kali agar fungsi dan kuasanya selari dengan kehendak semasa. Contoh terdekat ialah pindaan pada tahun 2012 dan 2019 yang telah memberikan kebebasan untuk pelajar menyertai aktiviti parti politik di dalam dan di luar kampus. Ia dilaksanakan bertepatan dengan peredaran zaman dan sebagai usaha menghasilkan graduan holistik yang berdaya saing serta matang dalam membuat keputusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian berpandangan bahawa Akta sedia ada masih lagi relevan dalam menguatkuasakan fungsinya. Oleh yang demikian, Kementerian belum bercadang untuk memansuhkannya dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.